# Manual Pengguna
# Sistem Permohonan Kursus

INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)

# Isi Kandungan

1.0 Pengenalan .......... 3
2.0 Semakan Senarai Kursus .......... 3
3.0 Permohonan Baru .......... 4
4.0 Semakan Status Permohonan .......... 9
5.0 Penutup .......... 11

## 1.0 Pengenalan

Manual Pengguna ini disediakan untuk memberi panduan kepada pengguna untuk menggunakan Sistem Permohonan Kursus yang terdapat pada Portal IDFR. Ia boleh dicapai melalui alamat http://www.idfr.gov.my. Terdapat tiga (3) fungsi utama yang boleh digunakan melalui sistem ini, iaitu :-

- Semakan Senarai Kursus
- Permohonan Baru
- Semakan Status Permohonan

## 2.0 Semakan Senarai Kursus

2.1 Pada Portal IDFR, pengguna perlu gerakan '*cursor*' pada menu Kursus dan pilih Sub Menu Permohonan. Kemudian senarai kesemua kursus semasa yang ditawarkan di IDFR akan dipaparkan, seperti Rajah 1 di bawah.




Rajah 1 : Paparan Semakan Senarai Kursus

2.2 Pengguna boleh membuat pilihan kategori kursus sama ada Latihan, Bahasa atau Semua. Senarai Kursus tersebut memberikan maklumat mengenai nama kursus, tarikh mula kursus dan tarikh tamat kursus. Keterangan lanjut bagi setiap kursus boleh disemak melalui Buku Program Latihan *(Programmes Training)* tahun semasa.

## 3.0 Permohonan Baru

3.1 Permohonan kursus boleh dilakukan dengan cara klik pada salah satu nama kursus yang ingin dipohon, seperti mana Rajah 2 di bawah.




Rajah 2 : Contoh pemilihan nama kursus untuk mengikuti kursus yang disediakan

3.2 Selepas klik pada nama kursus yang dipilih, paparan mengenai maklumat nama, tarikh mula kursus dan tarikh akhir kursus dan ruang untuk mengisi No. Kad Pengenalan atau No. Tentera/Polis akan dipaparkan seperti Rajah 3 di bawah.




Rajah 3 : Paparan permulaan Borang Permohonan Kursus

3.3 Pemohon perlu memasukkan No. Kad Pengenalan atau No. Tentera/Polis dan tekan butang seterusnya.

3.4 Sekiranya pemohon pernah memohon mana-mana kursus melalui sistem ini, maklumat permohonan akan dipaparkan dan pemohon boleh membuat pengemaskinian sekiranya perlu, seperti mana Rajah 4 di bawah.

3.5 Sekiranya pengguna tidak pernah membuat sebarang permohonan kursus di IDFR, borang kosong seperti Rajah 5 akan dipaparkan dan pengguna perlu mengisi kesemua maklumat yang diperlukan.



INSTITUTE OF DIPLOMACY AND FOREIGN RELATIONS
SISTEM PERMOHONAN KURSUS

[ - ] Selasa, Mac 29, 2011 | |

Kursus / Permohonan Kursus / Borang Permohonan

**Borang Permohonan Kursus**

**Maklumat Kursus**

| | |
|---|---|
| Nama Kursus : | Bahasa Arab Tahap I |
| Tarikh Mula Kursus : | 27-06-2011 |
| Tarikh Tamat Kursus : | 21-12-2011 |

**Maklumat Pemohon**

| | |
|---|---|
| Gelaran : | |
| Nama Penuh : | MOHD FAIRZUL SUDIN |
| No KP Baru/No Tentera/Polis : | 84060706531: * cth : 900101065311 |
| Tarikh Lahir : | 07-06-1984 * format : dd-mm-yyyy |
| Jantina : | Lelaki |
| Kewarganegaraan : | MALAYSIA |
| Taraf Perkahwinan : | Belum Berkahwin |
| Alamat Rumah : | VVVVVVV |
| No Telefon Rumah : | 092762875 * cth : 0341244211 |
| No Telefon Bimbit : | * cth : 0198080123 |
| Emel : | powerf12@yahoo.com |

**Kelulusan Akademik**

| No | Kelulusan | Tempat Pengajian | Tahun | Bidang |
|---|---|---|---|---|
| 1. | DIPLOMA | KIPSAS | 2002 | IT |
| 2. | IJAZAH | UMT | 2005 | IT(SE) |
| 3. | | | | |

Tambah Hapus

**Perkhidmatan**

| | |
|---|---|
| Gelaran Jawatan Kini | TUAN |
| Kumpulan Jawatan : | Pengurusan Tertinggi |
| Klasifikasi Perkhidmatan : | |
| Gred Jawatan : | Gred 01 |
| Taraf Perjawatan : | Kontrak |
| Jenis Perkhidmatan : | Persekutuan |
| Tarikh Lantikan Dalam Perkhidmatan : | 31-12-2008 * format : dd-mm-yyyy |
| Tarikh Lantikan Ke Jawatan Kini : | 31-12-2008 * format : dd-mm-yyyy |
| Nama Jabatan : | IT |
| Alamat Jabatan : | JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KUALA LUMPUR |
| No Telefon : | 0941490606 * cth : 0340401090 |
| No Fax : | 0234339091 * cth : 0340401090 |
| Pengalaman Kerja : | BIDANG PEMBANGUNAN PERISIAN |
| Tugas & Tanggungjawab Kini (Ringkasan): | MEREKA BENTUK PERISIAN ANTI VIRUS |

**Perakuan Pemohon**

| | |
|---|---|
| Nama Ketua Jabatan : | |
| Jawatan : | |
| Emel : | |

Saya telah mendapat kelulusan KETUA JABATAN; dan

Saya mengaku bahawa semua keterangan yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah BENAR. Sekiranya kenyataan yang diberikan TIDAK BENAR, IDFR berhak membatalkan permohonan ini.

Hantar Permohonan | Set Semula | Kembali Ke PORTAL IDFR

Rajah 4: Maklumat yang dipaparkan terus sekiranya pengguna pernah membuat permohonan kursus secara *online* di IDFR




Rajah 5 : Contoh paparan sekiranya pengguna tidak pernah membuat permohonan kursus secara *online* di IDFR

3.6 Sekiranya, **maklumat tidak lengkap** dan pengguna telah klik pada Butang Hantar Permohonan, satu mesej akan dipaparkan. Sebagai contohnya, jika maklumat gelaran tidak diisi, mesej seperti Rajah 6 dipaparkan.




Rajah 6 : Contoh paparan mesej jika pengguna tidak mengisi maklumat tertentu.

3.7 Bagi setiap borang permohonan yang lengkap diisi dan dihantar dengan menekan butang Hantar Permohonan, satu mesej dipaparkan seperti mana Rajah 7, yang menyatakan proses tersebut telah selesai dan pemohon akan dimaklumkan melalui e-mel pemberitahuan. Contoh e-mel pemberitahuan adalah seperti Rajah 8. Pada masa yang sama, ketua jabatan dan pentadbir kursus juga akan dimaklumkan melalui e-mel mengenai permohonan kursus tersebut.




Rajah 7 : Mesej Pemberitahuan Status Penghantaran Permohonan Kursus

Notis Pemberitahuan BUILDING BLOCKS OF GOOD ENGLISH 1/2011

Tuan/Puan,

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri telah menerima permohonan AMINAH BINTI ABDULLAH No. Kad Pengenalan 770103145378 untuk mengikuti BUILDING BLOCKS OF GOOD ENGLISH 1/2011 pada 21-03-2011 hingga 25-03-2011 .

Sekian. Terima kasih.

Pentadbir Sistem Permohonan Kursus
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri,
Kementerian Luar Negeri

Rajah 8 : Contoh e-mel pemberitahuan permohonan kursus




Rajah 9 : Sistem dalam proses untuk kembali ke portal IDFR.

3.8 Pengguna akan dipaut ke portal IDFR secara automatik setelah permohonan tersebut berjaya dihantar. Rajah 9 di atas menunjukkan sistem dalam proses untuk kembali ke portal IDFR.

## 4.0 Semakan Status Permohonan

4.1 Untuk melakukan semakan ke atas status permohonan, pemohon perlu ke Menu Kursus dan pilih Sub Menu Status. Masukkan No. Kad Pengenalan atau No. Tentera/Polis, diikuti klik pada butang ‘Semak’. Keputusan semakan akan dipaparkan, seperti Rajah 10.




Rajah 10 : Contoh Keputusan Semakan Permohonan Kursus.

4.2 Selain itu, e-mel pemberitahuan juga akan dihantar kepada pengguna, untuk memaklumkan status permohonan kursus yang dipohon. Contoh e-mel adalah seperti Rajah 11.

To : khairul_saidah@yahoo.com.my **(Pemohon)**
CC : noraini@audit.gov.my **(Ketua Jabatan)**

Tawaran Menghadiri BUILDING BLOCKS OF GOOD ENGLISH 1/2011

Tuan/Puan,

Adalah dimaklumkan bahawa tuan/puan telah ditawarkan mengikuti kursus di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Nama | : KHAIRUL SAIDAH BINTI ABAS AZMI |
| No. K/P Baru | : 770103145378 |
| Kursus | : BUILDING BLOCKS OF GOOD ENGLISH 1/2011 |
| Tarikh | : 21-03-2011 hingga 25-03-2011 |

2. Semakan Keputusan Kursus boleh dibuat menerusi laman web IDFR (http://www.idfr.gov.my/index.php?option=com_wrapper&view=wrapper&Itemid=222&lang=en) atau hubungi urusetia kursus seperti mana berikut :- Encik Kamarudin A. Hussin dan kamarudin@idfr.gov.my

3. Sila cetak e-mel ini sebagai bukti surat tawaran kursus tuan/puan melalui Sistem Permohonan Kursus IDFR secara atas talian.

Sekian, harap maklum.

Pentadbir Sistem Permohonan Kursus
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri,
Kementerian Luar Negeri

Rajah 11 : E-mel Pemberitahuan Semakan Status Permohonan Kursus

## 5.0 Penutup

Diharap manual pengguna ini dapat membantu pengguna menggunakan Sistem Permohonan Kursus IDFR dengan lebih mudah dan cepat.